



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 AUGUST 2016

Tun Mahathir silap besar bersekongkol dengan DAP

UM - 30/8/2016

KULIM 29 Ogos - Veteran UMNO, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad menyifatkan kesanggupan Tun Dr. Mahathir Mohamad bersekongkol dengan DAP sebagai kesilapan terbesar yang dilakukannya dalam usaha untuk menumbangkan UMNO.

Tegasnya, sikap DAP yang sejak dahulu tidak mempunyai keikhlasan terhadap orang Melayu menyebabkan parti-parti yang bersekongkol dengannya turut akan ditolak.

“Tindakannya berbaik dengan DAP adalah sesuatu yang silap dan amat sukar diterima. Sama ada pemimpin DAP yang baharu atau yang lama, tindakan mereka ada kalanya seolah-olah mencabar Perlembagaan.

“Walaupun ada kalanya dinafikan, pemikiran sebegini memang ada dalam pimpinan mereka dan disebabkan itu, saya tak fikir orang Melayu boleh menerima DAP,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan dewan baharu yang dinamakan sempena namanya di Felda Gunung Bongsu di sini hari ini.

Hadir sama isterinya, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd. Khalid; Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu,

Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir serta Ahli Dewan Undangan Negeri Bandar Baharu, Datuk Norsabrina Mohd. Noor.

Sementara itu, Mohd. Isa berkata, selaku orang lama, beliau tidak nampak sebarang alasan untuk ahli UMNO tidak setia terhadap Presiden sekiranya mereka sudah menyatakan rasa kasih dan sayang terhadap parti.

“Ada orang cakap mereka sayang parti tetapi tidak suka dengan Presiden. Tetapi berdasarkan pengalaman, sayang kepada UMNO dan Presiden perlu selari kerana kedua-duanya saling berkait.

“Kalau Presiden kuat, maka parti akan kuat dan begitu jugalah sebaliknya. Disebabkan itu, sesiapa saja yang menjadi Presiden akan dikritik dan dihujani fitnah bagi menghakis kepercayaan parti dan orang ramai supaya perpaduan parti dalam menyokong Presiden kian berkurang,” ujarinya.

Beliau dalam pada itu percaya parti baharu yang ditubuhkan oleh Dr. Mahathir tidak akan bertahan lama memandangkan isu-isu yang dibangkitkan dilihat banyak berfokus pada Pilihan Raya Umum Ke-14 semata-mata.